

# Anwar, Rafizi diminta perjelas kenaikan OPR

Bank Negara perlu bergerak seiring usaha kerajaan bantu rakyat berdepan krisis kos sara hidup

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli perlu memberi penjelasan berhubung kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 3.0 peratus seperti diumumkan pada Rabu lalu.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim, berkata penjelasan itu penting kerana Kerajaan Perpaduan bakal berdepan Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri, tidak lama lagi.

Wakil rakyat PKR itu berkata, langkah berkenaan juga diharapkan dapat menjelaskan mengapa khabar angin berkait jangkaan kenaikan OPR dinafikan sebelum ini.

"Saya tidak mahu rakyat di enam negeri Semenanjung yang akan berdepan PRN menepelak Kerajaan Perpaduan dan Kerajaan Madani dengan pertanyaan sinikal,

iaitu adakah OPR ini singkatan kepada Operasi Peras Rakyat.

"Saya berharap tidaklah sampai begitu," kata bekas Pengerusi PKR Johor melalui kenyataan, semalam.

Beliau turut mendedahkan pernah bertanya isu kenaikan OPR itu kepada Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli ketika mereka hadir pada majlis sambutan Aidilfitri PKR di Yong Peng, kelmarin.

"Saya bertanya kepada Rafizi mengenai OPR yang naik lagi ini. Saya harap Rafizi sebagai Menteri Ekonomi dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menjelaskan kepada rakyat mengenai kenaikan kadar OPR ini," katanya.

Hassan berpandangan, Bank Negara Malaysia (BNM) perlu bergerak seiring dengan kerajaan yang sedang berusaha membantu ekonomi rakyat dalam berdepan krisis kos sara hidup.

"Kita bersangka baik kepada Jawatankuasa Dasar Monetari (MPN) BNM, yang membuat keputusan menaikkan kadar OPR itu. BNM mungkin melihat kepentingan ekonomi makro Malaysia bagi jangka panjang, tetapi, BNM juga perlu seiring dengan pendirian kerajaan.

"Anwar selaku Menteri Kewa-

ngan tentu bersetuju bahawa golongan B40 dan M40 paling terkesan teruk dengan kenaikan kadar OPR itu," katanya menjelaskan kedua-dua golongan itu mewakili 80 peratus daripada rakyat Malaysia dan mereka menghadapi masalah kewangan ketika ini.

## Jangan bertindak berlebihan

Sementara itu, Timbalan Ketua Penerangan PKR, Razeef Rakimin dalam reaksi kepada kenyataan Hassan, meminta Ahli Parlimen Pasir Gudang itu tidak bertindak berlebihan termasuk mendesak Perdana Menteri dan Menteri Ekonomi memberi penjelasan mengenai isu kenaikan OPR.

Dalam kenyataannya, beliau berkata, bekas Pengerusi PKR Johor itu tidak perlu bertindak demikian memandang BNM, selaku pihak yang berkuasa menentukan kadar OPR sudah membuat penjelasan.

"Hassan perlu rujuk kenyataan BNM, bukan alih serangan kepada Perdana Menteri dan Menteri Ekonomi. Kenyataannya juga seolah-olah kenaikan OPR itu atas arahan Perdana Menteri mahupun Menteri Ekonomi, ini tidak benar.

"Sebagai seorang Ahli Parlimen dan pemimpin PKR, Hassan sepatutnya membantu memberi kefaha-

man kepada rakyat dan bukannya dengan sengaja mengalihkan serangan kepada Perdana Menteri dan Menteri Ekonomi," katanya.

Razeef berkata, kenaikan OPR juga adalah kesan daripada peningkatan ekonomi negara yang memberangsangkan serta jumlah pengangguran yang berkurangan dan BNM mempunyai penilaian tersendiri.

"Sudah tentu keputusan BNM menaikkan OPR adalah melalui data yang mereka miliki," katanya sambil menambah, keputusan untuk menaikkan OPR adalah seiring dengan kejayaan kerajaan meningkatkan ekonomi, menambah pelaburan serta mengurangkan pengangguran.

"OPR tidak akan naik jika sebuah negara masih bermasalah dari segi ekonomi. Kita akui masih ada segelintir rakyat bergelut dari segi ekonomi, namun pelbagai jenis bantuan dan inisiatif telah diperkenalkan kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat dari segi ekonomi.

"Ia seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan pelbagai kemudahan bantuan dan pinjaman," katanya.

Katanya lagi, jika Hassan khawatir dengan nasib rakyat yang masih bergelut dengan masalah ekonomi, lebih baik beliau menjalankan peranan selaku Ahli Parlimen kerajaan membantu rakyat melalui pelbagai inisiatif yang diperkenalkan.



Hassan Abdul Karim